

Berhubung persoalan Yang Berhormat, mengapa Yayasan Angkasawan Malaysia masih terus beroperasi dengan belanjawan yang besar lebih RM1 juta setahun, walaupun tidak lagi disertai oleh Datuk Dr. Sheikh, sukacita saya menjelaskan perkara-perkara berikut.

Angkasawan Negara Datuk Dr. Sheikh Muzafar selepas melaksanakan misi angkasawannya telah berkhidmat secara kontrak dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi sehingga 2008. Pada tahun 2008 beliau memilih untuk berkhidmat di bawah Pusat Kajian Angkasa, Universiti Kebangsaan Malaysia. Ini bermakna bahawa Datuk Dr Sheikh Muzafar tidak pernah menyertai Yayasan Angkasawan Malaysia.

Walaupun bagaimanapun, Angkasawan Negara Kedua iaitu Mejar Dr Faiz Khaleed memilih untuk berkhidmat di Yayasan sebagai Angkasawan Tamu bagi membantu Yayasan menggerakkan program-program kesedaran awam mengenai sains angkasa.

Secara purata tahunan, Yayasan membelanjakan RM1 juta bagi membiayai kos operasi dan pengurusan program. Kos operasi Yayasan adalah dalam kadar 60 peratus daripada amaun perbelanjaannya manakala baki 40 peratus adalah untuk membiayai kos pelaksanaan program-program pendidikan dan kesedaran awam mengenai sains angkasa.

Sekian, terima kasih